



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang ' 220302/220801 ' dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

NO SEBUTHARGA	KETERANGAN KERJA	KOD BIDANG (KKM)	BAYARAN
SH 40/2019	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Kompleks Hentian Bas MBKT Dan Hentian Teksi Tanjung, Kuala Terengganu dan kawasan persekitaran. Lawatan Tapak : 27 Februari 2019 (Rabu) Jam : 9.30 pagi Tempat : Hentian Teksi Tanjung, Kuala Terengganu	220302 / 220801 Kawalan Keselamatan	Dokumen Sebutharga RM 20.00 Senaskah

Dokumen Sebutharga ini boleh dibeli dengan Harga sebagaimana yang tersebut diatas di **Bahagian Pengurusan Harta, Tingkat 4, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu** pada waktu pejabat. Dokumen ini akan mula dijual pada hari **Ahad 3 Mac 2019 hingga Ahad 10 Mac 2019.**

2. Kontraktor dikehendaki mengemukakan surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan satu salinan hendaklah juga dilampirkan semasa pembelian Dokumen sebutharga ini dibuat.

3. Dokumen Sebutharga hendaklah diserahkan sebelum atau pada hari **Isnin 11 Mac 2019** pada jam **12.00 tengah hari**. Mana-mana sebutharga yang dihantar lewat daripada waktu serta tarikh tersebut, tidak akan dilayan.

4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan dimenterai. Nombor sebutharga dan jenis kerja hendaklah dinyatakan di muka surat tersebut dengan jelas serta dialamatkan kepada :

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
TINGKAT 4 - 8, MENARA PERMINT, JALAN SULTAN ISMAIL
20200 KUALA TERENGGANU**

atau masukkan sendiri ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di Bahagian Pengurusan Kontrak & Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

5. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan Taklimat akan disampaikan pada tarikh lawatan sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Kontraktor yang tidak hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak ini adalah tidak layak membeli/mendapatkan dokumen Sebutharga ini.

6. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan adalah muktamad. Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sah laku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya.



(**HAJJ SHAHIDAN BIN EMBOK**)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu